



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KESAN PENDEKATAN NARATIF DAN KOMUNIAKTIF TERHADAP  
MOTIVASI BELAJAR, KETERLIBATAN DALAM PEMBELAJARAN DAN  
PENCAPAIAN KEMAHIRAN MENGARANG***

**ZURAINI BINTI JUSOH**

**FPP 2014 47**



**KESAN PENDEKATAN NARATIF DAN KOMUNIKTIF TERHADAP  
MOTIVASI BELAJAR, KETERLIBATAN DALAM PEMBELAJARAN DAN  
PENCAPAIAN KEMAHIRAN MENGARANG**

Oleh

**ZURAINI BINTI JUSOH**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah  
Doktor Falsafah**

**Julai 2014**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



The background features a large, semi-transparent watermark of the Universiti Putra Malaysia (UPM) logo. The logo is a shield-shaped emblem with a red and white color scheme. At the top left of the shield, the letters 'UPM' are written in white on a red rectangular background. The central part of the shield contains a stylized white and red design, and at the top right, there is a depiction of an open book. The entire logo is overlaid with a large, diagonal watermark that reads 'COPYRIGHT UPM' in a light gray font.

**UPM**

**DEDIKASI**

Ditujukan khas buat  
ahli keluarga tersayang yang sentiasa menyokong dan memberi ruang  
menyemarakkan penulisan tesis ini.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah

**KESAN PENDEKATAN NARATIF DAN KOMUNIKATIF TERHADAP  
MOTIVASI BELAJAR, KETERLIBATAN DALAM PEMBELAJARAN DAN  
PENCAPAIAN KEMAHIRAN MENGARANG**

Oleh

**ZURAINI BINTI JUSOH**

**Julai 2014**

**Pengerusi : Fadzilah Abd Rahman, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kesan pendekatan naratif dan komunikatif terhadap motivasi belajar, keterlibatan dalam pembelajaran dan pencapaian kemahiran mengarang murid-murid rendah pencapaian Bahasa Melayu tingkatan dua di Ampang, Selangor. Naratif merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang yang mementingkan interaksi dalam persekitaran bilik darjah. Manakala, komunikatif lebih mementingkan kepada kecekapan dan penggunaan bahasa yang tepat.

Terdapat tiga objektif dengan 15 hipotesis yang ingin dicapai melalui kajian ini. Sehubungan dengan itu, reka bentuk kuasi eksperimental dengan sokongan data pemerhatian dan temu bual telah digunakan. Sebanyak sepuluh pernyataan mengukur pemboleh ubah bersandar motivasi belajar dan 22 pernyataan mengukur keterlibatan dalam pembelajaran kemahiran mengarang. Alat ukur bagi pemboleh ubah bersandar pencapaian pula berbentuk ujian penulisan karangan tidak berformat. Pengumpulan data dijalankan sebanyak tiga kali, iaitu semasa praujian, pascaujian pertama dan pascaujian kedua. Data kuantitatif ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif yang terlibat ialah min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan. Analisis inferensi yang digunakan untuk mengenal pasti kesan pendekatan pengajaran terhadap ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar kajian ialah kaedah analisis kovarians (ANCOVA).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesan pendekatan naratif dan komunikatif terhadap motivasi belajar, keterlibatan emosi, kognitif dan pencapaian kemahiran mengarang, setelah mengawal skor min semasa praujian. Nilai signifikan yang diperoleh melalui analisis ANCOVA lebih besar berbanding paras penetapan alpha, iaitu 0.05. Motivasi belajar semasa pascaujian pertama,  $p=0.739$  dan pascaujian kedua,  $p=0.157$ . Keterlibatan emosi pascaujian pertama,  $p=0.606$ , pascaujian kedua,  $p=0.224$ . Keterlibatan kognitif pascaujian pertama,  $p=0.717$ , pascaujian kedua,  $p=0.201$ . Pencapaian pula semasa pascaujian pertama,  $p=0.075$  dan

pascaujian kedua,  $p=0.355$ . Nilai kesan saiz varians (eta square) yang dicatatkan juga rendah, iaitu di antara 0.1 peratus sehingga 5.0 peratus sahaja.

Terdapat perbezaan yang signifikan kesan pendekatan naratif dan komunikatif terhadap keterlibatan tingkah laku, setelah mengawal skor min semasa praujian. Keterlibatan tingkah laku pascaujian pertama,  $p=0.019$  dan pascaujian kedua,  $p=0.031$ . Pendekatan naratif lebih berkesan berbanding komunikatif dalam meningkatkan keterlibatan tingkah laku murid rendah pencapaian untuk mempelajari kemahiran mengarang. Skor min yang diperoleh kumpulan eksperimen semasa pascaujian pertama lebih besar ( $M=3.03$ ,  $SP=0.30$ ) berbanding kumpulan kawalan ( $M=2.86$ ,  $SP=0.38$ ) dengan nilai kesan saiz varians (eta square) sebanyak 6.8 peratus. Manakala, sebanyak 6.4 peratus kesan saiz varians (eta square) dicatatkan semasa pascaujian kedua dengan skor min kumpulan eksperimen ( $M=3.09$ ,  $SP=0.43$ ) berbanding kumpulan kawalan ( $M=2.87$ ,  $SP=0.40$ ).

Kesimpulannya, pendekatan naratif lebih berkesan dalam meningkatkan motivasi belajar, keterlibatan dalam pembelajaran dan pencapaian kemahiran mengarang murid rendah pencapaian tingkatan dua berbanding pendekatan komunikatif. Selepas enam kali rawatan diberikan, peningkatan secara berterusan berlaku walaupun nilainya kecil. Perbezaan skor min motivasi belajar kumpulan eksperimen yang menerima rawatan pendekatan naratif telah meningkat sebanyak 0.01. Sebaliknya, skor min motivasi belajar dalam kalangan murid kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan komunikatif telah merosot sebanyak 0.08. Skor min keterlibatan emosi pendekatan naratif telah meningkat sebanyak 0.04 berbanding pendekatan komunikatif yang merosot sebanyak 0.02. Skor min keterlibatan kognitif pendekatan naratif telah meningkat sebanyak 0.02 berbanding pendekatan komunikatif yang merosot sebanyak 0.06. Manakala, skor min keterlibatan tingkah laku murid yang diajar menggunakan kedua-dua pendekatan pengajaran mengalami peningkatan. Namun, peningkatan yang berlaku setelah menggunakan pendekatan naratif lebih besar, iaitu 0.06 berbanding pendekatan komunikatif yang berubah sebanyak 0.01 sahaja.

Peningkatan skor min pencapaian kemahiran mengarang juga berlaku dalam kedua-dua kumpulan. Peningkatan yang berlaku setelah enam minggu menggunakan pendekatan komunikatif lebih besar, iaitu 3.77 berbanding pendekatan naratif, 3.20. Namun, markah maksimum yang diperoleh murid pendekatan naratif mengalami perubahan lebih ketara, iaitu daripada 19.50 markah kepada 30.50 markah. Manakala, markah maksimum pendekatan komunikatif ialah daripada 16.50 markah kepada 23.00 markah. Oleh itu, dirumuskan bahawa semasa praujian, kedua-dua berada dalam kategori D atau Memuaskan. Namun, setelah tiga minggu pendekatan naratif digunakan kategori pencapaian telah meningkat kepada kategori C atau Baik. Setelah fasa kedua, iaitu tiga minggu kedua pencapaian murid-murid meningkat kepada kategori B atau Kepujian. Sebaliknya, penggunaan pendekatan komunikatif hanya berjaya meningkatkan pencapaian murid kepada kategori C atau Baik. Oleh itu, pendekatan naratif lebih berkesan berbanding pendekatan komunikatif.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE EFFECT OF NARRATIVE AND COMMUNICATIVE APPROACH  
TOWARDS LEARNING MOTIVATION, ENGAGEMENT IN LEARNING AND  
PERFORMANCE IN WRITING SKILLS**

By

**ZURAINI BINTI JUSOH**

**July 2014**

**Chairperson : Fadzilah Abd Rahman, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

This study aim to identify the effect of narrative and communicative approach towards learning motivation, learning engagement and the performance of writing skills within low performing form two students in Malay language in Ampang, Selangor. Narrative is a teaching and learning approach in writing skills which emphasizes interaction in the classroom environment. Meanwhile, the communicative approach emphasizes more on efficiency and correct usage in the language.

Three objectives with 15 hypotheses were being researched in this study. In relation to that, the quasi experimental method supported by observational and interview data has been used. About ten statements measure the dependent variables of learning motivation while 22 statements measure the engagement in learning writing skills. The measurement tool for the dependent variables, performance of writing skills is in the form of non-format writing tests. Data collection was done three times; the pre-test, first post-test and second post-test. This quantitative data is analysed in the descriptive and inferential ways. The descriptive analysis involved is the mean, standard deviation, percentage and frequency. The inferential analysis used to identify the effect of teaching towards three dependent variables is covarians analysis (ANCOVA).

Overall, study results show no significant effect of narrative and communicative approach on learning motivation, emotional and cognitive engagement and performance in writing skills, after controlling the mean score during pre-tests. The significant value obtained through the ANCOVA analysis is bigger compared to the alpha determined level, which is 0.05. The learning motivation during first post-test,  $p=0.739$  and the second post-test  $p=0.157$ . Emotional engagement in the first post test is  $p=0.606$  and  $p=0.224$  in the second post-test. Cognitive engagement in the first post-test is  $p=0.717$  and  $p=0.201$  in the second post-test. The performance in the first post test, results show  $p=0.075$  and  $p=0.355$  in the second post-test. The variance size (eta square) effect value recorded was also low, which is between 0.1 per cent to 5 per cent only.



There is significant difference in the effect of narrative and communicative approaches towards the engagement of behaviour, after controlling the mean score during pre-test. Behaviour engagement in the first post-test is  $p=0.019$  while it is  $p=0.021$  in the second post-test. The narrative approach is more effective compared to the communicative approach in improving behaviour engagement within low performing students in learning writing skills. The mean score obtained from the experimental group during the first post-test is bigger ( $M=3.03$ ,  $SD=0.30$ ) compared to the control group ( $M=2.86$ ,  $SD=0.38$ ) with the variance size effect value (eta square) of 6.8 per cent. Meanwhile, 6.4 per cent variance size effect value (eta square) is recorded during the second post-test with the mean score of experimental group being  $M=3.09$ ,  $SD=0.43$ , compared to the control group ( $M=2.87$ ,  $SD=0.40$ ).

As a conclusion, the narrative approach is more effective in increasing learning motivation, engagement in learning, and the performance of writing skills within low performing form two students compared to the communicative approach. After six treatments were given, continuous improvements occurred even in small values. The difference in mean score for the learning motivation in the experimental group that was given treatment in the narrative approach has improved by 0.01. On the other hand, the mean score for learning motivation within the controlled group of students who used the communicative approach have declined by 0.08. The mean score for emotional engagement for the narrative approach have improved by 0.04 compared to the communicative approach which has declined by 0.02. The mean score for cognitive engagement in the narrative approach group increased by 0.02 compared to the communicative approach group that declined to 0.06. Meanwhile, the mean score of students who use both approaches experience an improvement. However, the improvement was greater after using the narrative approach, which is 0.06 compared to the communicative approach which only change by 0.01.

Improvement in the mean score in writing skills performance also occurred in both groups. A greater improvement was seen after six weeks of using the communicative approach, which is 3.77 compared to the narrative approach, 3.20. However, the maximum marks obtained by the students in the narrative approach showed clearer change, which is from 19.50 to 30.50 marks. Meanwhile, the maximum marks for the communicative approach was from 16.50 to 23.00 marks. Therefore, it is summarised that during the pre-test, both are in the D category, or the "Satisfactory" category. However, after three weeks of using the narrative approach, the student improved to a C or "Good" category. After the second phase, which is three weeks, the student achievement improved to a B or "Distinction". However, the communicative approach was only able to improve the performance of the students to a C or "Good" category. Hence, the narrative approach is more effective compared to the communicative approach.



## PENGHARGAAN

**Tell me and I forget  
Teach me and I remember  
Involve me and I learn**

*(Benjamin Franklin)*

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t dengan limpah rahmat dan izin-NYA, dapat saya menyiapkan penyelidikan ini. Buat bonda tersayang, Wan Jah Wan Ibrahim terima kasih tidak terhingga diucapkan kerana memberi kepercayaan dan merestui perjalanan yang dipilih ini. Buat kakanda Wan Azila Wan Abdullah, abang ipar, Aminuddin Awang, anak-anak saudara dikasihi, Adam Haris dan Adam Haziq, yang sentiasa memberi sokongan dengan cara tersendiri.

Ribuan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis, iaitu Dr. Fadzilah Abd Rahman, Prof. Madya Dr. Samsilah Roslan, dan Dr. Norazlina Mohd Kiram. Bimbingan dan tunjuk ajar tanpa jemu doktor-doktor sekalian amat saya hargai. Tidak dilupakan Prof. Datin Dr. Sharifah Md Nor yang turut menyumbang tenaga dan usaha membimbing saya, sebelum beliau bersara. Kerjasama, bimbingan, dan tunjuk ajar sepanjang pengajian dan sepanjang perkenalan amat saya hargai.

Tidak dilupakan buat ahli jawatankuasa penyeliaan semasa Ijazah Sarjana, iaitu Prof. Madya Dr. Abdul Rasid Jamian, Dr. Abdullah Mat Rasid, dan Dr. Yahya Othman. Ucapan terima kasih tidak terhingga juga buat pensyarah-pensyarah sekalian yang banyak memberi didikan iaitu, Dr. Roselan Baki, Prof. Madya Dr. Shandri Ghani Hamzah, Prof. Dr. Kamariah, Prof. Madya Dr. Rohani Ahmad Tarmizi, Dr. Ghazali Lateh, dan semua pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Buat Helen Jee Jun Kim, Cikgu Mariaty Ramli, dan Cikgu Noorul Shaleeza Salehuddin yang memungkinan kajian ini dapat dijalankan, terima kasih diucapkan.

Buat rakan-rakan seperjuangan, Kak Simah Mamat, Kak Yuzie Yusuf, Jacqueline Lynn Rinit, Arasinah Kamis, Wan Noraine, Roshafiza Hassan, Kak Wan Noraini, Maria Omar, Nik Hanis Zuraihan dan rakan-rakan sekalian. Hanya terima kasih dapat diucapkan atas sokongan serta bantuan yang dihulurkan.

Hanya Allah s.w.t. yang mampu membalas jasa baik kalian semua.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 10 Julai 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Zuraini binti Jusoh bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Kesan Pendekatan Naratif dan Komunikatif terhadap Motivasi Belajar, Keterlibatan dalam Pembelajaran dan Pencapaian Kemahiran Mengarang" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Abdul Rasid bin Jamian, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Roselan bin Baki, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Arba'ie bin Sujud, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Zamri bin Mahamod, PhD**

Profesor  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**NORITAH OMAR, PhD**

Profesor Madya dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 19 September 2014

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan ijazah Doktor Falsafah Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Fadzilah Abd Rahman, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Samsilah Roslan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Norazlina Mohd Kiram, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap perkataan, kutipan, dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik dan hak cipta tesis ini adalah hak mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada palgiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Zuraini Binti Jusoh GS26279

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: **Fadzilah Abd Rahman, PhD**

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: **Samsilah Roslan, PhD**

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: **Norazlina Mohd Kiram, PhD**

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Pendekatan Pengajaran Kemahiran Mengarang	6
1.1.2 Isu dan Keperluan Pendekatan Kemahiran Mengarang	20
1.2 Pernyataan Masalah	25
1.3 Objektif Kajian	28
1.4 Signifikan Kajian	32
1.5 Batasan Kajian	34
1.6 Definisi Operasional	35
1.6.1 Pendekatan Naratif	35
1.6.2 Pendekatan Komunikatif	36
1.6.3 Motivasi Belajar	36
1.6.4 Keterlibatan dalam Pembelajaran	37
1.6.5 Murid Rendah Pencapaian Kemahiran Mengarang	37
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	38
1.8 Rumusan	41
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.0 Pengenalan	42
2.1 Sejarah Ringkas Pendekatan Pedagogi Produktif	42
2.1.1 Elemen Pedagogi Produktif	44
2.1.2 Naratif	48
2.1.3 Naratif dan Pedagogi Produktif	51
2.1.4 Rasional Pemilihan Pendekatan Naratif	52
2.1.5 Isu Tentang Perbahasan Naratif	56
2.2 Jenis-jenis Karangan	58
2.2.1 Kemahiran Mengarang Peringkat Menengah Rendah	59
2.2.2 Proses Mengarang	60
2.3 Motivasi Belajar	63
2.3.1 Perbahasan Tentang Motivasi Belajar	70
2.4 Keterlibatan Murid dan Pembelajaran	74

2.4.1	Perbincangan Tentang Keterlibatan Pembelajaran	79
2.5	Murid Rendah Pencapaian	83
2.5.1	Amalan Pendekatan Pengajaran Murid Rendah Pencapaian	85
2.6	Teori Kajian	88
2.6.1	Teori Pembelajaran Interaksionalis	89
2.6.2	Teori Pembelajaran Sosial	93
2.6.3	Teori Motivasi Keberkesanan Kendiri	95
2.6.4	Kerangka Teoritik	98
2.7	Rumusan	100
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0	Pengenalan	102
3.1	Reka Bentuk Kajian	102
3.1.1	Rasional Pemilihan Reka Bentuk	103
3.1.2	Pemboleh Ubah Kajian	105
3.1.2.1	Pemboleh Ubah Bebas	105
3.1.2.2	Pemboleh Ubah Bersandar	105
3.2	Populasi dan Persampelan Kajian	106
3.2.1	Populasi dan Persampelan Kaedah Kuantitatif	107
3.2.2	Populasi dan Persampelan Kaedah Kualitatif	109
3.3	Pengumpulan Data	110
3.3.1	Pengumpulan Data Kuantitatif	110
3.3.2	Pengumpulan Data Kualitatif	111
3.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	113
3.4.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kaedah Kuantitatif	113
3.4.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kaedah Kualitatif	121
3.5	Lokasi Kajian	122
3.6	Alat Ukur Kajian	123
3.6.1	Alat Ukur Kajian Kaedah Kuantitatif	123
3.6.2	Alat Ukur Kajian Kaedah Kualitatif	138
3.6.3	Rumusan Alat Ukur Kajian	139
3.7	Prosedur Kajian	141
3.8	Analisis Data	149
3.8.1	Analisis Data Dapatan Kuantitatif	149
3.8.2	Analisis Data Dapatan Kualitatif	151
3.9	Rumusan	152
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0	Pengenalan	153
4.1	Maklumat Demografi	153
4.2	Analisis Dapatan Kajian	154
4.3	Rumusan	193



<b>5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN</b>	
5.0 Pengenalan	195
5.1 Rumusan Kajian	195
5.2 Perbincangan Kajian	199
5.2.1 Kesan Naratif Terhadap Motivasi Belajar	200
5.2.2 Kesan Naratif Terhadap Keterlibatan Dalam Pembelajaran	205
5.2.3 Kesan Naratif Terhadap Pencapaian Kemahiran Mengarang	208
5.3 Implikasi Kajian	212
5.3.1 Pedagogi Guru Bahasa Melayu	213
5.3.2 Latihan dan Pendidikan Guru	217
5.3.3 Kurikulum Bahasa Melayu	219
5.4 Cadangan Kajian	222
5.5 Kesimpulan	225
<b>BIBLIOGRAFI</b>	226
<b>LAMPIRAN 1</b>	
Modul Rancangan Pengajaran Pendekatan Naratif	
Modul Rancangan Pengajaran Pendekatan Komunikatif	
<b>LAMPIRAN 2</b>	
Pengesahan Modul Rancangan Pengajaran	
<b>LAMPIRAN 3</b>	
Alat Ukur Kajian	
<b>LAMPIRAN 4</b>	
Kesahan Alat Ukur Kajian	
<b>LAMPIRAN 5</b>	
Senarai Panel Penilai Alat Ukur	
<b>LAMPIRAN 6</b>	
Skema Pemarkahan Karangan Penilaian Menengah Rendah (PMR)	
<b>LAMPIRAN 7</b>	
Borang Pemerhatian	
Contoh Transkripsi Rakaman Pemerhatian	
<b>LAMPIRAN 8</b>	
Soalan Temu Bual	
Contoh Transkripsi Rakaman Temu Bual	

**LAMPIRAN 9**

Ringkasan Objektif dan Analisis Data

**BIODATA PELAJAR**  
**SENARAI PENERBITAN**

236  
239



## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Ciri-ciri Pendekatan Deduktif	11
1.2	Ciri-ciri Pendekatan Induktif	12
2.1	Perbezaan Antara Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik dengan Motivasi Belajar	65
3.1	Reka Bentuk Kuasi Eksperimen Kumpulan Kawalan Tidak Serupa	103
3.2	Peringkat Pencapaian Kemahiran Mengarang	138
3.3	Maklumat Perjalanan Kajian Sebenar	144
4.1	Latar Belakang Sampel Kajian	154
4.2	Analisis Ujian-t Sampel Bebas Motivasi Belajar Praujian	155
4.3	Analisis ANCOVA Motivasi Belajar Pascaujian Pertama	156
4.4	Analisis ANCOVA Motivasi Belajar Pascaujian Kedua	157
4.5	Skor Min Motivasi Belajar Pascaujian Pertama dan Kedua	158
4.6	Perbezaan Motivasi Belajar Berdasarkan Pemerhatian	161
4.7	Analisis Ujian-t Sampel Bebas Keterlibatan Emosi Praujian	165
4.8	Analisis ANCOVA Keterlibatan Emosi Pascaujian Pertama	166
4.9	Analisis ANCOVA Keterlibatan Emosi Pascaujian Kedua	167
4.10	Skor Min Keterlibatan Emosi Pascaujian Pertama dan Kedua	168

4.11	Analisis Ujian-t Sampel Bebas Keterlibatan Kognitif Praujian	171
4.12	Analisis ANCOVA Keterlibatan Kognitif Pascaujian Pertama	172
4.13	Analisis ANCOVA Keterlibatan Kognitif Pascaujian Kedua	173
4.14	Skor Min Keterlibatan Kognitif Pascaujian Pertama dan Kedua	174
4.15	Analisis Ujian-t Sampel Bebas Keterlibatan Tingkah Laku Praujian	178
4.16	Analisis ANCOVA Keterlibatan Tingkah Laku Pascaujian Pertama	179
4.17	Analisis ANCOVA Keterlibatan Tingkah Laku Pascaujian Kedua	180
4.18	Skor Min Keterlibatan Tingkah Laku Pascaujian Pertama dan Kedua	181
4.19	Perbezaan Keterlibatan Tingkah Laku Berdasarkan Pemerhatian	184
4.20	Analisis Ujian-t Sampel Bebas Pencapaian Praujian	188
4.21	Analisis ANCOVA Pencapaian Pascaujian Pertama	189
4.22	Analisis ANCOVA Pencapaian Pascaujian Kedua	190
4.23	Skor Min Pencapaian Kemahiran Mengarang Pascaujian Pertama dan Kedua	191

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1.1	Sistem Komunikasi Manusia (Sumber: Mahzan Arshad, 2008)	15
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	39
2.1	Pecahan Elemen Pedagogi Produktif (Sumber: The State of Queensland Department of Education and Training, 2004)	46
2.2	Penghasilan Sebuah Karangan (Sumber: Raimes, 1983)	62
2.3	Model Motivasi Intrinsik (Sumber: Malone dan Leppar, 1987)	64
2.4	Model Keterlibatan dalam Pembelajaran Bermakna (Sumber: Muir, 2006)	77
2.5	Kerangka Teoritikal Kajian	99
3.1	Ringkasan Prosedur Kajian	146
3.2	Prosedur Perjalanan Kajian	148
3.3	Analisis ANCOVA Terhadap Pemboleh Ubah Kajian	150
4.1	Perubahan Skor Min Motivasi Belajar	159
4.2	Perubahan Skor Min Keterlibatan Emosi	169
4.3	Perubahan Skor Min Keterlibatan Kognitif	175
4.4	Perubahan Skor Min Keterlibatan Tingkah Laku	182
4.5	Perubahan Skor Min Pencapaian	193

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, iaitu jenis-jenis pendekatan pengajaran kemahiran mengarang dan isu berkaitan pendekatan pengajaran sedia ada. Seterusnya, bahagian pernyataan masalah diikuti dengan objektif kajian, signifikan kajian dan batasan kajian. Dalam bahagian ini juga definisi operasional pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian diperjelaskan.

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Objektif kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk membolehkan murid melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui interaksi lisan dan penulisan; mendapatkan dan memproses maklumat secara kritis dari pelbagai sumber yang didengar, dibaca dan ditonton; dapat menggunakan maklumat untuk menyelesaikan masalah, membuat keputusan, menyelaraskan maklumat dalam bentuk lisan dan penulisan; mendengar, membaca, menonton, dan memberi respons kepada pelbagai bahan sastera dan bukan sastera; dapat melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan secara kreatif dan berkesan; menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni, sikap positif, semangat patriotik; serta perasaan cintakan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Objektif ini dicapai melalui empat kemahiran pengajaran dan pembelajaran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, membaca, bertutur dan mengarang. Dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, keempat-empat kemahiran ini berhubung kait dan diajar secara tidak terpisah. Dalam keempat-keempat kemahiran ini, kemahiran mengaranglah yang paling kompleks (Awang Sariyan, 2004).

Kemahiran mengarang dikatakan sebagai kemahiran tertinggi kerana merupakan alat untuk berfikir (Gammill, 2006) dan berkembang daripada bahasa pertuturan menjadi rangkaian maklumat yang sarat dengan idea serta pengalaman (Vanderburg, 2006). Himpunan idea yang membentuk sesebuah kesatuan karangan diambil daripada pengalaman yang berlaku di persekitaran murid dan kesan daripada komunikasi yang wujud dengan guru sewaktu di dalam bilik darjah (Myhill & Locke, 2007). Kemahiran mengarang juga menuntut murid-murid untuk melalui satu proses kognitif yang memerlukan satu kebolehan berfikir agar mampu memberi keterangan, menyusun dan menghasilkan karangan, iaitu dapat menyampaikan idea dan pandangan, disusuli dengan penyeneraian idea dalam bentuk yang tersusun (Khairuddin Mohamad, 2011; Suria Baba & Juriah Long, 2010).

Kepelbagaian aktiviti yang terlibat menjadikan mengarang sebagai kerja profesional (Awang Sariyan, 2004). Ini sesuai dengan peranan karangan sebagai media perantara yang mengandungi maklumat, bahan interaksi sosial dan alat

komunikasi (Siti Hajar Abdul Aziz, 2009; Ruddell, 2001). Sebagai media perantara yang sarat dengan maklumat, mengarang bukan sahaja menjadi satu cara untuk menerangkan pengetahuan sedia ada seseorang tetapi karangan juga menjadi alat untuk mengukur sejauh mana pengetahuan itu dikuasai. Sifat karangan yang mempunyai binaan atau bentuk dapat dikesan melalui penjelasan dan pengucapan yang jelas serta tepat. Karangan sebagai alat sosial dan komunikasi pula dapat dijelaskan dengan sifat karangan itu sendiri yang dipengaruhi oleh interaksi sosial dalam kalangan pemikir dan penulis. Biasanya sewaktu menulis, penulis terlebih dahulu telah menetapkan sasaran khalayak pembacanya, iaitu di peringkat sekolah sasaran pembaca ialah guru mata pelajaran Bahasa Melayu serta rakan-rakan sekelas. Sering kali juga, karangan dihasilkan dengan tujuan untuk berkongsi maklumat dengan harapan mendapat reaksi serta maklum balas daripada khalayak sasaran.

Oleh itu, karangan merupakan aspek yang diberikan perhatian dalam kurikulum. Kepentingan penulisan karangan tergambar dalam kurikulum Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran tersendiri (Roselan Baki, 2003). Begitu juga dengan format pentaksiran baharu mulai tahun 2005 yang masih mengekalkan dua kertas secara berasingan (Samat Buang, 2006). Ini membuktikan kepentingan aspek penulisan karangan bahasa Melayu dalam kurikulum pendidikan negara. Tambahan pula, kecekapan mengarang menentukan keputusan peperiksaan keseluruhan kertas Bahasa Melayu (Ahmad Khair Mohd. Nor, 2005). Hal ini dibuktikan dengan pembahagian markah format pentaksiran baharu 2005 yang memperuntukkan keseluruhan 100 markah untuk Kertas 2 berbanding hanya 40 markah yang diperuntukkan untuk Kertas 1 dan Bahagian C dalam Kertas 2 menyumbangkan markah tertinggi (Alias Ismail, 2006; Suppiah Nachiappan, 2006). Murid-murid seharusnya memberi lebih perhatian pada bahagian ini untuk memperoleh skor yang baik dalam peperiksaan. Malah, kemahiran mengarang penting sebagai alat pernyataan perasaan serta pengetahuan yang tidak terbatas dalam masyarakat moden (Hawthorne, 2007). Begitu juga dengan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu tahun 2000, yang mengkehendaki murid dapat menulis pelbagai jenis karangan (Marohaini Yusoff, 2004). Selain itu, mengarang juga penting untuk mengukuhkan penguasaan pola bahasa (Abdul Shukor Shaari, 2001).

Umumnya, tahap pencapaian murid masih tidak memuaskan (Zulkifley Hamid, 2005). Malah, Abd. Aziz Abd. Talib (2000) menyatakan bahawa Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia melaporkan, kelemahan murid dalam karangan biasanya tertumpu kepada masalah isi, teknik mengarang dan bahasa. Manakala, Nawati Ismail (2006) mendapati bahawa murid menyatakan isi yang sama atau hampir sama berulang-ulang dan bahagian pendahuluan yang meleret-leret. Selain itu, murid juga dikatakan tidak menggunakan ayat yang gramatis (Aleimmah Ali, 2009), tidak mempunyai masa yang cukup untuk menulis karangan yang lengkap dan ketandusan idea sebagai punca kepada kegagalan serta pemerolehan markah yang rendah (Noor Ainah Ag. Jaafar, 2007). Dalam hal ini, Faridah Serajul Haq, Nooreiny Maarof dan Raja Mohd Fauzi Raja Musa (2001) menjelaskan dengan lebih terperinci punca kelemahan murid dalam



kemahiran ini. Antara lain, murid tidak dapat menulis mengikut bilangan perkataan yang diperlukan atau menulis terlalu ringkas; penulisan yang tidak atau kurang berstruktur; organisasi dan isi yang tidak jelas serta teratur; idea, watak dan persoalan tidak dikembangkan; banyak masalah ejaan dan peraturan lazim penulisan; dan tulisan tangan yang sukar dibaca. Selain itu, seseorang individu dikatakan tidak mampu menghasilkan sesebuah karangan apabila tidak berkeupayaan memilih dan menentukan perkara yang hendak ditulis; terlalu membatasi fikiran kepada satu-satu perkara sahaja; tidak mampu mengembangkan idea dan menghujahkan pendapat; sukar menemukan bahan dan sumber rujukan yang relevan; dan belum mempunyai kebiasaan atau budaya menulis dalam diri sendiri (Siti Hajar Abdul Aziz, 2009).

Mengarang juga dikatakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai (Kamsiah Abdullah, 2010; Nik Safiah Karim, 2004; Ismail Ahmad, 2002; Abdul Shukor Shaari, 2001) berbanding kemahiran bahasa yang lain. Malah, banyak orang tidak mahir menulis (Ahmad Khair Mohd. Nor, 2005) kerana mengarang atau menulis adalah aktiviti kognitif yang dilakukan oleh orang yang berilmu (Ismail Ahmad, 2004). Tambahan pula, penguasaan kemahiran menulis tidak hanya bergantung kepada bakat semata-mata tetapi dipengaruhi juga oleh pengajaran kemahiran menulis yangersistem dan berkesan (Ahmad Khair Mohd. Nor, 2005; Yahya Othman, 2005). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka potensi pendekatan alternatif dalam pengajaran kemahiran mengarang terutamanya kepada murid-murid rendah pencapaian.

### **1.1.1 Pendekatan Pengajaran Kemahiran Mengarang**

Terdapat beberapa kajian yang pernah dijalankan oleh pengkaji tempatan berkaitan dengan pendekatan pengajaran kemahiran mengarang. Misalnya, kajian kes oleh Marohaini Yusoff dan Zulkifli A. Manaf (1997) yang mendapati bahawa guru lebih memberi penekanan kepada hasil karangan daripada proses mengarang. Pendekatan pengajaran guru berlaku secara linear, iaitu dengan memberi penerangan, membuat perbincangan isi, mengarah murid menulis dan hasil karangan dikutip serta disemak.

Ini disokong oleh Siti Safariah (2009) yang menyatakan bahawa guru lebih gemar menggunakan kaedah perbincangan dan *brainstorming* serta menerangkan isi dengan berpandukan nota bertulis sama ada di papan hitam atau putih. Dapatan kajian oleh Seman Salleh (2005), pula mendapati bahawa 75 peratus guru yang dikaji mengakui tidak menggunakan bahan bantu ketika mengajar dan menyatakan penggunaan bahan bantu ini tidak membantu murid-murid mereka belajar dengan lebih baik.

Noor Ainah Ag. Jaafar (2007) telah melakukan satu kajian tindakan apabila kebanyakan murid gagal menjawab kertas karangan dan mendapat kurang daripada 55 markah. Kajian ini melibatkan seramai 30 orang murid tingkatan lima di dalam sebuah kelas yang diajarkan oleh beliau sendiri. Beliau telah menggunakan kaedah jalin dan salin yang mengambil masa lapan minggu. Tiga strategi digunakan dalam kajian ini, iaitu aktiviti menyalin karangan, aktiviti

menjalin isi karangan dan aktiviti menulis karangan. Seterusnya, temu bual bersama-sama murid dijalankan dan didapati mereka memberi reaksi yang positif terhadap semua aktiviti yang dijalankan. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa sebelum strategi ini dijalankan, murid-murid cepat berpuas hati dengan hasil penulisan mereka. Dapatan kajian beliau menunjukkan berlaku peningkatan dalam markah dan juga kepanjangan hasil penulisan murid-murid.

Aleimmah Ali (2009) juga telah melakukan kajian tindakan yang melibatkan seramai 34 orang murid tingkatan tiga menggunakan bahan bantu mengajar Majalah Siswa. Murid-murid kajian dikehendaki membuat latihan karangan respons terbuka sepanjang 250 patah perkataan. Dua teknik pengajaran kemahiran mengarang telah digunakan, iaitu teknik 5W+1H (*Why, Where, When, Who, What & How*) dan DIKEMASEN (Diri, Keluarga, Masyarakat, Sekolah dan Negara). Seterusnya, murid diminta menyalin dan menulis karangan mengikut tahap pencapaian mereka. Murid yang lulus hanya perlu menyalin satu karangan pada setiap kali pengajaran dan pembelajaran. Manakala, murid cemerlang perlu menulis karangan setiap minggu. Hasil penulisan murid-murid ini kemudiannya disemak. Kaedah ini telah berjaya meningkatkan markah dan menambahkan gred A dalam kalangan murid cemerlang.

Faridah Serajul Haq et al., (2001) juga telah menjalankan satu kajian terhadap 200 orang murid rendah pencapaian tingkatan satu dari tujuh buah sekolah di daerah Hulu Langat, Selangor yang berlatar belakang sosioekonomi rendah. Kajian ini bertujuan untuk menilai masalah penulisan lazim dalam kalangan murid sekolah menengah dan mencadangkan satu program intervensi bagi mengatasi masalah ini. Murid dikehendaki menghasilkan sebuah karangan yang lengkap dengan ayat permulaan, sepanjang 180 patah perkataan dalam masa 45 minit dan hasil penulisan karangan murid diperiksa oleh tiga orang guru menggunakan skala Penilaian Penulisan Karangan Kawasan Oregon (PPKO). Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid berupaya menyatakan idea untuk bercerita. Namun, lemah dalam kemahiran konvensi yang menyebabkan penulisan mereka secara keseluruhan sukar untuk difahami dan diikuti.

Sebaliknya, kajian oleh Kamsiah Abdullah (2010) pula dinilai sebanyak tujuh kali mengikut trait yang diberi skala di antara 0 hingga 4 (0 = tidak berkesan; 4 = paling tinggi sesuatu trait telah dicapai). Tujuh trait tersebut ialah keupayaan murid untuk menulis dengan betul mengikut tajuk dan konteks; memuatkan isi dan maklumat yang mencukupi; mengendalikan isi dan bahan rangsangan secara segar dan asli; gaya bahasa yang jelas; unsur pemerenggan yang terjalin dengan padu dan mempunyai penutupan yang kemas. Keseluruhannya, skor min karangan naratif murid adalah sebanyak 55.1 peratus berdasarkan pemarkahan secara global. Manakala, berdasarkan trait didapati keupayaan murid untuk memberi isi yang mencukupi merupakan kemahiran yang paling sukar dicapai. Murid-murid juga didapati sukar menulis dengan gaya yang segar dan asli, serta menulis bahagian pengenalan dengan jelas. Untuk itu, beliau menjelaskan tiga subkemahiran menulis yang perlu dikuasai, iaitu kecukupan dan kepadatan isi, keaslian dan kesegaran idea, serta kesesuaian idea dengan isi dan tajuk.

Manakala, gaya bahasa dan kemahiran mekanis seperti pemerenggan, pengenalan dan penutupan tidak begitu besar sumbangannya dalam kemahiran mengarang secara naratif.

Kajian yang dijalankan oleh Noor Ainah Ag. Jaafar (2007) dan Aleimmah Ali (2009) telah mencadangkan kaedah bagi mengatasi masalah ini. Sebaliknya, kajian yang dilakukan Faridah Serajul Haq et al., (2001) lebih kepada mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh murid-murid. Yang pasti, murid-murid ini menghadapi masalah untuk menghasilkan karangan. Oleh itu, usaha mencari pendekatan pengajaran kemahiran mengarang yang sesuai perlu dijalankan untuk mengatasinya.

Terdapat beberapa kajian berkaitan pendekatan pengajaran yang pernah dijalankan. Hasil tulisan Bowen (2012) misalnya, membincangkan pendekatan '*the silent way*'. Pendekatan ini berasaskan tiga prinsip utama, iaitu aktiviti pembelajaran akan menjadi mudah sekiranya murid belajar melalui penemuan berbanding menghafal atau mengingati, bahan bantu mengajar berbentuk fizikal, dan tumpuan pembelajaran melalui penyelesaian masalah. Pembelajaran jenis ini berpusatkan murid dan guru seboleh mungkin digalakkan mendiamkan diri semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Murid-murid dibiarkan membuat keputusan sendiri dalam menyelesaikan masalah pembelajaran bagi menggalakkan mereka mempelajari bahasa sebanyak mungkin. Pengurangan aktiviti bercakap dalam kalangan guru disokong oleh Charles (2012), yang menyatakan bahawa pengajaran yang baik berlaku apabila guru bercakap kurang daripada 15 peratus sepanjang masa pengajaran. Malah, beliau juga mencadangkan aktiviti pembelajaran dilakukan secara berpasangan dan kerja berfokus. Hasilnya, murid dapat membincangkan sesuatu isu itu secara lebih mendalam. Sebaliknya, pendekatan pengajaran yang sering digunakan oleh guru melibatkan kekerapan guru bercakap pada nisbah 3:1 dan murid-murid hanya bercakap untuk menjawab soalan semata-mata (Khon, 2009).

Umumnya, terdapat empat pendekatan pengajaran bahasa yang sering digunakan oleh guru, iaitu pendekatan deduktif, induktif, elektif dan komunikatif (Juriah Long, 2010; Nik Hassan Basri, 2005). Berikut merupakan huraian bagi setiap pendekatan ini.

#### **i. Pendekatan Deduktif**

Pendekatan ini mengutamakan penguasaan peraturan atau rumus bahasa daripada penggunaan bahasa. Pengajaran bahasa dimulakan dengan guru menghuraikan peraturan atau rumus bahasa sebelum guru memberikan contoh. Berdasarkan definisi yang dibincangkan ini, Nik Hassan Basri (2005) menyenaraikan ciri-ciri pendekatan ini berdasarkan lima dimensi, iaitu turutan isi, peranan guru, penglibatan murid semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran, pengantara atau media yang terlibat dan matlamat yang ingin dicapai di akhir pengajaran. Jadual 1.1 menunjukkan ciri-ciri pendekatan deduktif mengikut dimensinya.

**Jadual 1.1. Ciri-ciri Pendekatan Deduktif**

<b>Dimensi</b>	<b>Pendekatan Deduktif</b>
Turutan Isi	Generalisi ... contoh
Peranan guru	Pemberi latihan berasaskan contoh
Penglibatan murid	Meniru contoh, menghafal
Pengantara	Pemikiran
Matlamat	Perolehan struktur kognitif

Pendekatan pengajaran ini mempunyai ciri turutan isi pengajaran berbentuk generalisi kepada contoh. Ini bermaksud, guru terlebih dahulu memberikan penerangan tentang apa yang ingin diajar pada hari tersebut. Seterusnya, aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan diakhiri dengan guru memberikan contoh-contoh. Guru yang menggunakan pendekatan ini memainkan peranan sebagai pemberi latihan berasaskan contoh-contoh sahaja untuk pengukuhan dan memastikan murid memahami isi pengajaran yang disampaikan pada hari tersebut. Manakala, murid-murid pula bertindak sebagai peniru contoh dan menghafal maklumat yang telah diterima. Pemikiran merupakan media utama yang terlibat, iaitu untuk memperoleh struktur kognitif berdasarkan isi kandungan pengajaran yang disampaikan oleh guru.

Dalam pengajaran kemahiran mengarang, pendekatan ini digunakan oleh guru untuk menerangkan jenis karangan terlebih dahulu dan diikuti dengan contoh karangan. Misalnya, apabila guru ingin mengajar karangan jenis naratif, guru akan memulakan sesi pengajaran dengan menjelaskan rumus atau maksud karangan jenis naratif terlebih dahulu. Seterusnya dengan contoh sebuah karangan naratif yang lengkap kepada murid-murid.

## **ii. Pendekatan Induktif**

Pendekatan ini dikenali juga sebagai pendekatan jumpaan, iaitu mengutamakan penggunaan bahasa daripada peraturan atau rumus bahasa. Pengajaran dimulakan dengan guru memberi contoh penggunaan aspek bahasa sebelum menyimpulkan peraturan atau rumus aspek tatabahasa tersebut. Contohnya, dalam pengajaran kemahiran mengarang guru akan menunjukkan contoh sebuah karangan naratif dan kemudian menerangkan rumus untuk menghasilkan sebuah karangan naratif yang lengkap. Jadual 1.2 menunjukkan ciri-ciri pendekatan induktif mengikut dimensi.

**Jadual 1.2. Ciri-ciri Pendekatan Induktif**

<b>Dimensi</b>	<b>Pendekatan Induktif</b>
Turutan Isi	Contoh ... generalisasi
Peranan guru	Penyusunan struktur kognitif
Penglibatan murid	Menggolongkan data, mengait simpul
Pengantara	Pengalaman deria
Matlamat	Perolehan kebiasaan

Berdasarkan Jadual 1.2, turutan isi bermula daripada pemberian contoh sebelum generalisasi dibuat. Ini bermaksud, guru memulakan sesi pengajaran dengan memberikan contoh-contoh terlebih dahulu. Pada akhir pengajaran, guru merumuskan isi pelajaran yang telah dipelajari pada hari tersebut. Guru memainkan peranan sebagai penyusun struktur kognitif, iaitu memastikan murid menerima maklumat yang telah disampaikan. Murid-murid pula berperanan sebagai penggolong data, mengaitkan maklumat-maklumat yang diterima dan menyimpulkan hasil pembelajaran. Untuk mencapai matlamat pendekatan pengajaran ini, pengalaman deria murid menjadi anggota penting dalam memperoleh kebiasaan. Pengalaman deria ini melibatkan ingatan lepas atau pengalaman lalu yang dapat dikaitkan dengan contoh-contoh yang dikemukakan oleh guru.


**iii. Pendekatan Elektif**

Pendekatan ini merupakan gabungan atau campuran pendekatan deduktif dan induktif bagi menghasilkan satu strategi pengajaran. Contohnya, ketika guru mengajar kemahiran tatabahasa, penerangan rumus dan peraturan aspek tatabahasa disertai dengan contoh-contoh. Untuk menguji kefahaman murid, guru meminta mereka memberi contoh lain bagi menjelaskan generalisasi yang dibuat dan membuat kesimpulan bagi takrif aspek tatabahasa tersebut.



Selain itu, guru juga boleh memulakan pengajaran dengan mengemukakan soalan supaya murid memberikan contoh tertentu. Kemudian, membimbing murid membuat generalisasi. Berdasarkan generalisasi tersebut, guru akan memberikan contoh-contoh lain untuk mengukuhkan kefahaman murid.






#### iv. Pendekatan Komunikatif

Pendekatan ini mula bertapak pada tahun 60-an (Nik Hassan Basri, 2005). Namun, ada segelintir pengkaji yang menyatakan pendekatan ini muncul sekitar tahun 70-an dan 80-an (Bowen, 2012). Pada peringkat awal, pendekatan komunikatif digunakan dalam pengajaran bahasa kedua dan asing yang mempunyai dua langkah utama, iaitu latihan diberikan untuk memastikan murid-murid dapat menguasai struktur bahasa dengan tepat dan sesuai mengikut konteks penggunaannya (Mahzan Arshad, 2008). Tujuan penghasilan sesebuah karangan dan khalayak pembaca diberi penekanan (Raimes, 1983). Kesannya, murid-murid digalakkan agar berkelakuan seperti pengarang sebenar untuk memenuhi kehendak khalayak pembaca, iaitu guru Bahasa Melayu dan rakan-rakan sekelas. Penglibatan murid-murid dalam aktiviti penggunaan bahasa juga telah dirancang. Oleh itu, murid-murid perlu mencapai tahap yang ditetapkan.

Mahzan Arshad (2008), menyenaraikan sepuluh ciri pendekatan komunikatif dalam pengajaran Bahasa. Pertama, berfokus kepada kemahiran bahasa sebagai bahan untuk berkomunikasi. Kedua, individu berkomunikasi dengan tujuan tertentu. Ketiga, dimulakan dengan tajuk yang mudah seperti pengenalan diri, perbualan harian hinggalah tajuk yang agak mencabar seperti memberikan pendapat atau pandangan dan perbincangan serius dalam pelbagai situasi yang lebih formal. Keempat, aktiviti yang bermakna dijalankan. Kelima, penggunaan bahasa yang dipelajari dalam pentadbiran dan urusan di dalam bilik darjah adalah penting bagi menimbulkan suasana pengajaran komunikatif. Keenam, menggalakkan penyertaan murid secara aktif dalam proses pembelajaran. Ketujuh, penekanan diberikan terhadap kemahiran mendengar dan bertutur. Kelapan, kesilapan tatabahasa adalah perkara yang tidak dapat dielakkan ketika berkomunikasi. Kesembilan, mementingkan aspek kemahiran berkomunikasi seseorang individu dan persekitarannya. Kesepuluh, dilaksanakan dalam situasi yang autentik. Ringkasan proses yang berlaku dalam sistem komunikasi manusia ditunjukkan dalam Rajah 1.1.



**Rajah 1.1. Sistem Komunikasi Manusia**  
(Sumber: Mahzan Arshad, 2008)

Berdasarkan Rajah 1.1, sistem komunikasi manusia melibatkan dua elemen utama, iaitu penghantar dan penerima maklumat. Penghantar bertindak memberikan mesej atau makna yang dikodkan kepada simbol-simbol sama ada melalui pertuturan ataupun penulisan. Kod-kod yang dapat dipecahkan akan diinterpretasikan atau difahami maknanya oleh pendengar untuk mewujudkan komunikasi antara penghantar dengan pendengar dan yang tidak diperlukan dibuang. Penyingkiran kod ini membuatkan amalan pendekatan komunikatif ini tidak dapat memberi maklumat dan kefahaman secara mendalam kepada murid-murid. Ini boleh dikaitkan dengan sistem pendidikan negara yang berorientasikan peperiksaan. Keadaan ini membuatkan murid-murid hanya menerima maklumat atau menghafalnya untuk tujuan lulus dalam peperiksaan, bukannya atas dasar nilai ilmu.

Selain itu, elemen komunikatif juga memberi peluang kepada murid-murid untuk menguasai kemahiran berbahasa dalam suasana sebenar sesebuah masyarakat penutur jati bahasa tersebut (Mahzan Arshad, 2008). Kefasihan berbahasa merupakan kecekapan menggunakan pengetahuan tatabahasa mengikut konteks yang dipengaruhi oleh tujuan dan budaya tertentu (Hashim Othman, 2003). Keadaan ini tidak dapat membantu meningkatkan kemahiran menggunakan bahasa dengan sistematik kerana lingkungan komunikasi murid-murid dipengaruhi bahasa dialek. Permasalahan lain juga wujud apabila Arbai'e Sujud, Mohd. Amin Arshad dan Che Ibrahim Salleh (2011) menyatakan bahawa pendekatan komunikatif yang diamalkan sekarang tidak dapat memberi sumbangan bermakna terhadap proses pembudayaan bahasa Melayu. Kesannya, beberapa masalah yang serius terhadap penggunaan bahasa telah berlaku. Antaranya, sikap murid-murid terhadap bahasa, krisis keyakinan dan



pembelajaran Bahasa Melayu yang bersifat penyampaian pengajaran seperti mata pelajaran yang lain timbul. Situasi sedemikian, menimbulkan perspektif negatif dalam kalangan murid, terutamanya ketika mempelajari kemahiran mengarang yang merupakan kemahiran tertinggi dan diakui sukar dikuasai.

Hal ini berbeza dengan pendekatan naratif yang dicadangkan. Kepelbagaian pengalaman yang dikongsikan bukan sahaja bertujuan menambahkan pengetahuan murid. Malah, diselitkan unsur-unsur moral agar kepentingan dan keperluan sesuatu ilmu dipelajari terserap dalam kalangan murid. Interaksi yang disarankan melalui pendekatan naratif juga longgar dari segi struktur bahasa. Kelonggaran ini tidak bermakna struktur bahasa diabaikan. Sebaliknya, bermatlamat jangka panjang, iaitu diterapkan sedikit demi sedikit dan akhirnya mampu dikuasai oleh murid-murid ini. Pembelajaran bersifat pemahaman secara mendalam ini membuatkan guru bersedia menjawab sebarang persoalan yang dikemukakan oleh murid. Hasilnya, naratif membuka ruang kepada setiap murid sama ada fasih ataupun tidak untuk turut serta dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Sebaliknya, Raimes (1983) berpendapat pendekatan pengajaran kemahiran mengarang terdiri daripada penulisan terkawal, penulisan bebas, bentuk pemerenggan, organisasi tatabahasa - sintaksis, komunikatif dan proses. Pendekatan kemahiran mengarang secara terkawal merupakan satu pendekatan yang mengikut urutan tertentu. Pada peringkat awal pelaksanaan pendekatan ini, guru akan membiasakan murid-murid untuk membina ayat secara gramatis. Ayat-ayat ini kemudian disusun dalam bentuk perenggan untuk menghasilkan sebuah karangan. Proses ini dikatakan dapat mengawal kesalahan tatabahasa dalam kalangan murid semasa mengarang. Setelah murid-murid dapat menguasai proses ini, mereka juga digalakkan menghasilkan karangan secara bebas. Kesimpulannya, pendekatan ini mementingkan komponen tatabahasa, sintaksis dan bentuk karangan. Ketepatan sesebuah karangan dari segi bentuk dan struktur lebih diberi keutamaan berbanding kelancaran serta keaslian idea murid-murid semasa mengolah cerita.

Pendekatan penulisan secara bebas pula lebih mementingkan kuantiti berbanding kualiti karangan yang dihasilkan. Guru yang mengamalkan pendekatan pengajaran jenis ini akan menggalakkan murid menulis pelbagai jenis karangan tanpa mengambil kira kesalahan tatabahasa. Guru memberi fokus kepada perbincangan idea yang telah dikemukakan oleh murid.

Pendekatan ketiga, iaitu pendekatan bentuk perenggan mementingkan organisasi sesebuah karangan dihasilkan. Berdasarkan pendekatan ini, guru menggunakan petikan sedia ada dan memberi latihan kepada murid untuk mengubah suai petikan tersebut mengikut kreativiti masing-masing. Prinsip utama pendekatan pengajaran jenis ini adalah berdasarkan andaian bahawa budaya yang berlainan menyebabkan konstruk dan komunikasi yang diaturkan berbeza.

Pendekatan organisasi tatabahasa – sintaksis ini menekankan kepada pelbagai kebolehan atau kemahiran semasa aktiviti mengarang dijalankan. Kemahiran mengarang tidak dilihat secara berasingan dengan penguasaan kemahiran tatabahasa dan ayat yang gramatis. Untuk menghasilkan sebuah karangan yang baik dari aspek organisasinya, murid-murid dilatih dengan memberi penekanan terhadap kemahiran tatabahasa, ayat dan mesej yang ingin disampaikan penulis kepada khalayaknya.

Pendekatan proses pula mementingkan proses yang dilalui murid semasa menghasilkan karangan berbanding hasil karangan itu sendiri. Untuk itu, persoalan seperti bagaimana sesebuah karangan dapat dihasilkan dan bagaimana ingin memulakan proses mengarang perlu ditanya dalam diri pengarang pendekatan jenis ini. Pendekatan jenis ini menggalakkan murid mengemukakan idea berdasarkan tujuan karangan dihasilkan serta khalayaknya. Murid bebas mengemukakan idea masing-masing dengan menghasilkan beberapa draf awal dan diikuti dengan perbincangan bersama-sama guru. Malah, bebas memilih tajuk dan jenis karangan yang sesuai. Mereka juga bertanggungjawab menghasilkan karangan lengkap berdasarkan pengalaman serta pengetahuan sedia ada masing-masing. Guru pula berperanan sebagai rakan semasa membincangkan isi atau idea yang diutarakan oleh murid.

Berdasarkan pemerhatian dan hasil pembacaan pengkaji, guru-guru Bahasa Melayu sering menggunakan pendekatan komunikatif sama ada semasa mengajarkan kemahiran mengarang mahupun kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa di dalam bilik darjah telah dirancang oleh guru dan ini membuatkan sebarang pertanyaan murid yang keluar daripada rancangan pengajaran harian diabaikan. Pengukuhan juga diberikan agar murid dapat menguasai struktur bahasa yang tepat dan sesuai melalui latihan. Kesimpulannya, komunikatif telah dijadikan asas perbandingan untuk membuktikan kesan pendekatan alternatif yang dicadangkan dalam kajian ini.

### **1.1.2 Isu dan Keperluan Pendekatan Pengajaran Kemahiran Mengarang**

Kemahiran mengarang merupakan salah satu komponen kemahiran bahasa yang penting, tetapi ramai beranggapan kemahiran ini sukar dikuasai kerana melibatkan proses pemikiran yang rumit dan kompleks (Suria Baba & Juriah Long, 2010). Anggapan yang sedemikian menjadi penghalang kepada minat murid terhadap aktiviti mengarang ini. Untuk itu, murid-murid sepatutnya diajar menulis bukan sahaja bagi menentukan agar mereka menguasai kemahiran ini tetapi untuk suka dan gemar menulis dan menjadikan penulisan sebahagian daripada aktiviti harian mereka (Mahzan Arshad, 2008). Penerapan minat terhadap aktiviti mengarang ini dengan sendirinya membuatkan murid-murid bersedia untuk mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Akhirnya, berupaya mengubah persepsi negatif terhadap kemahiran ini.

Mengarang merupakan sebahagian daripada kemahiran literasi yang menurut UNESCO (1980 dalam Hashim Othman, 2005) adalah salah satu hak asasi manusia yang menjadi tanggungjawab sesebuah kerajaan terhadap rakyatnya.

Oleh itu, guru bahasa diharap mampu membantu murid meneroka dunia mereka, supaya hidup lebih bererti (Sulaiman Masri, Mashudi Bahari & Juliyana Mohd Junid, 2007) melalui kemahiran mengarang ini. Malah, komunikasi bertulis dan komunikasi khalayak (lisan) mempunyai peranan yang sama penting dalam proses komunikasi (Abdul Shukor Shaari, Nuraini Yusoff, & Mohd Isha Awang, 2003).

Ini bersesuaian dengan matlamat akhir pendidikan bahasa yang ingin dicapai di peringkat sekolah menengah, iaitu melahirkan murid yang berkemahiran, cekap menggunakan bahasa Melayu dalam semua bentuk interaksi dan dalam pelbagai situasi penggunaannya serta dapat menguasai dan menggunakan bahasa Melayu dengan baik sebagai persediaan untuk menceburkan diri dalam pelbagai lapang pekerjaan, sama ada sektor awam atau swasta (Abd. Aziz Abd. Talib, 2000). Untuk mencapai matlamat pendidikan bahasa yang diharap-harapkan ini pelbagai pendekatan, strategi, teknik dan kaedah yang sesuai boleh dipertimbangkan oleh para pendidik.

Menurut pendapat Norizan Abdul Razak, Rozainee Khairudin, dan Ravichandran Vengadasamy (2008), kurikulum pedagogi bahasa tidak boleh hanya melibatkan pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa atau linguistik dan penguasaan ilmu tentang bahasa yang diajar atau dipelajari semata-mata, tetapi harus melibatkan pengajian pemikiran yang terkandung dalam bahasa berkenaan. Antaranya, berbentuk akal, aspirasi, pengalaman, sejarah, nilai, susila, adat, kepercayaan dan cara menaakul yang mewakili akal budi kelompok manusia penutur natif bahasa berkenaan.

Ini bersesuaian dengan apa yang dicita-citakan oleh negara dalam usaha membangunkan model insan yang cemerlang akademik, sahsiah dan berkemampuan memberi sumbangan tenaga dalam pembentukan sebuah negara maju. Dalam usaha menggunakan segala sumber tenaga yang ada bagi mencapai matlamat modal insan yang dicita-citakan ini, keperluan pendidikan murid-murid rendah pencapaian juga tidak diabaikan. Murid-murid rendah pencapaian ini biasanya dikategorikan sebagai individu yang berisiko untuk gagal dan tercicir dalam persekolahan sekiranya keperluan pendidikan mereka diabaikan. Kesan daripada itu, mereka ditakrifkan sebagai murid berisiko berasaskan pencapaian akademik yang rendah (Mohd Ibrahim Nazri, 2005) dan mereka biasanya ditempatkan dalam dua buah kelas terakhir (Nor Hayati Alwi, 2005). Di samping lemah dalam pencapaian akademik, mereka juga kurang kemahiran komunikasi dan bermasalah disiplin, akhlak, tingkah laku serta sahsiah (Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, 2008).

Berdasarkan huraian ini, dapat disimpulkan bahawa murid-murid rendah pencapaian ini dikategorikan sebagai berisiko apabila lemah dalam pencapaian akademik, terlibat dengan pelbagai masalah disiplin di sekolah dan kurang berminat untuk belajar. Pencapaian akademik biasanya diukur melalui ujian dan peperiksaan. Oleh itu, murid-murid yang rendah pencapaian akan ditempatkan di dalam kelas-kelas akhir dan prestasi ini biasanya dikaitkan dengan disiplin yang

mempengaruhinya (Abdullah Sani Yahya, 2006). Malah, jika tidak diatasi masalah murid-murid rendah pencapaian ini, mereka juga dikhuatiri akan menjadi pekerja yang tidak produktif. Oleh itu, timbul persoalan apakah punca murid-murid ini rendah pencapaian akademik dan mengapa mereka bertingkah laku sedemikian. Ada pendapat yang menyatakan fokus berlebihan untuk mencapai gred kelulusan A dalam peperiksaan menyebabkan kebanyakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah lebih berupa proses menyediakan murid untuk peperiksaan, bukannya bersifat menyampaikan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang perlu seperti yang dituntut oleh kurikulum sesuatu mata pelajaran (Ali Ab. Ghani, 2008; Tan, 2006).

Selain itu, sistem pendidikan yang lebih memihak kepada sebilangan murid yang berupaya melanjutkan pengajian ke peringkat kolej atau pengajian tinggi selepas menamatkan pendidikan sekolah menengah (Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, 2005) juga dikatakan sebagai salah satu punca kepada permasalahan ini. Hal ini kerana ramai murid tidak lagi menganggap pengalaman bersekolah sebagai sesuatu yang penting, berharga, menyeronokkan, sebaliknya tanggungjawab yang membebankan dan memberi banyak tekanan (Ali Ab. Ghani, 2008). Keadaan ini diburukkan lagi dengan sikap guru dan pihak pentadbir sekolah yang mengambil mudah keperluan murid-murid, membuatkan mereka sering ponteng, tidak memberi tumpuan pada pelajaran, tidak belajar dengan bersungguh-sungguh dan selalu gagal dalam akademik (Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, 2005). Bagi mata pelajaran Bahasa Melayu pula, sebanyak 32.7 peratus remaja menyatakan bahawa Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang membosankan dan 32.4 peratus berpendapat kandungannya terlalu banyak untuk dipelajari (Nor Hashimah Jalaludin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad, 2010). Jika difokuskan kepada kepentingan kemahiran mengarang pula, secara umum kemahiran ini sering terkebelakang berbanding kemahiran bahasa yang lain (Tennant, 2012).

Oleh yang demikian, cara yang boleh diambil oleh guru untuk menimbulkan minat dan memberi kesan terhadap sahsiah murid-murid ini perlu diberi perhatian. Hal ini kerana, guru merupakan individu yang paling dekat. Malah, kebanyakan masa murid dihabiskan di dalam bilik darjah bersama-sama guru dan rakan-rakan (Kohn, 2009; Abdullah Sani Yahya, 2006). Pasti masa yang diluahkan dapat digunakan sebaik mungkin untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada murid-murid dalam usaha meningkatkan motivasi belajar, keterlibatan mereka dalam pembelajaran dan pencapaian kemahiran mengarang. Seterusnya, dapat mengubah persepsi mereka terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.

Justeru, kajian pendekatan naratif yang terkandung dalam pedagogi produktif ini dijalankan. Pendekatan naratif dalam kajian ini lebih kepada menjawab persoalan murid, perkongsian cerita atau pengalaman, mengambil berat dan menjadikan suasana kelas lebih menyenangkan dengan mewujudkan hubungan antara pendidik sebagai fasilitator dengan murid-murid. Pendekatan naratif atau pendekatan bersifat bercerita adalah berbeza dengan teknik, kaedah dan strategi bercerita. Hal ini kerana pendekatan naratif tidak dirancang secara spesifik



proses pengajaran dan pembelajarannya. Walaupun guru telah menyediakan rancangan pengajaran yang ingin dicapai pada hari tersebut, namun guru juga perlu mengambil kira setiap persoalan yang dikemukakan oleh murid. Pendekatan ini bukan sahaja dapat menjawab persoalan yang dikemukakan oleh murid, malah dapat mengeratkan hubungan antara murid dengan guru dan murid sesama murid. Hubungan dan interaksi antara guru dengan murid adalah sangat penting sebelum memulakan sesuatu pelajaran bagi memastikan murid-murid bersedia menerima isi pengajaran yang telah dirancang.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Kegagalan atau kejayaan dalam sesuatu mata pelajaran banyak dikaitkan dengan keberkesanan pengajaran guru (Zamri Mahamad & Mohamed Amin Embi, 2010). Pendekatan pengajaran yang bersesuaian sangat perlu terutamanya untuk pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang. Hal ini kerana mengarang penting sebagai alat pernyataan diri, memenuhi keperluan berinteraksi secara lisan dan digunakan dalam kehidupan seharian. Namun, kemahiran ini sering mendapat pandangan negatif dalam kalangan guru dan murid yang merasakan bahawa aktiviti menulis amat berat (Mahzan Arshad, 2008) dan paling sukar (Suria Baba & Juriah Long, 2010). Apa yang diperhatikan ialah guru tidak mempunyai teknik yang berkesan untuk menarik minat dan perhatian murid (Mohd Sahandri Gani Hamzah, Roselan Baki & Saifuddin Kumar Abdullah, 2012). Malah, senario yang sering berlaku di dalam bilik darjah semasa guru mengajar kemahiran mengarang ialah guru menulis tajuk karangan di papan tulis, membincangkan isi-isi penting selama hampir 15 minit, guru memberi arahan meminta murid menulis karangan di dalam buku dan menghantar hasil penulisan karangan setelah disiapkan (Yahya Othman, 2006). Pendekatan pengajaran yang sedemikian mungkin antara punca kenapa murid-murid bersikap kurang minat, tidak memberi tumpuan dan malas (Aleimmah Ali, 2009) ketika mempelajari kemahiran mengarang di dalam bilik darjah. Selain itu, kelemahan murid dalam penulisan juga mempunyai hubungan dengan soal bagaimana guru mengamalkan interaksi lisan dalam proses pengajaran yang dilakukan (Roselan Baki, 2003). Interaksi yang berkesan dapat mewujudkan hubungan yang mesra di dalam bilik darjah. Ini kerana hubungan antara guru dengan murid yang tidak mesra menyebabkan pelbagai masalah wujud umpamanya, murid malu dan segan untuk berinteraksi atau bersoal jawab (Shaffe Mohd Daud, Ramli Basri, Roselan Baki, Sahandri Ghani Hamzah & Mokhtar Nawawi, 2011). Oleh itu, satu pendekatan alternatif perlu bagi mengatasi masalah ini dan membantu meningkatkan motivasi belajar, keterlibatan dalam pembelajaran serta pencapaian kemahiran mengarang.

Hal ini demikian kerana motivasi belajar, keterlibatan dalam pembelajaran dan pencapaian saling berkait rapat serta mempengaruhi antara satu sama lain. Motivasi belajar dikatakan mempengaruhi prestasi belajar (Arlindo Francisco Marcal, 2006) dan mungkin faktor (Coombs, 2009) kerana merupakan keadaan yang mendorong peserta didik untuk melakukan aktiviti belajar (Suskim Riantani & Sri Wiludjeng, 2008). Malah, menjadi masalah utama ketika pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Abd. Sukor Shaari, Yahya Don & Yaakob Daud,

2005). Keterlibatan dalam pembelajaran turut mempengaruhi pencapaian akademik (Willms, 2003). Manakala, Marks (2000) menambah bahawa keterlibatan bukan sahaja mempunyai kaitan dengan pencapaian murid, namun penting dalam mengoptimalkan pembentukan seseorang individu. Kedua-dua pemboleh ubah ini penting dalam menghasilkan pembelajaran berkesan (Ainley, 2004). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk membincangkan kesan pendekatan pengajaran yang dicadangkan terhadap ketiga-tiga pemboleh ubah.

Pendekatan naratif dicadangkan sebagai satu usaha untuk mencari penyelesaian kepada masalah ini. Umumnya, aktiviti serta perlakuan seharian kebanyakan manusia berkisar kepada aktiviti yang mengandungi elemen naratif. Naratif menggerakkan kemahiran komunikasi yang merupakan satu keperluan dalam sesuatu masyarakat (Tunku Mohani Tunku Mohtar, 2005). Naratif juga melibatkan perkongsian idea melalui pelbagai sumber dan bertindak sebagai alat pemikir. Bagaimanapun, pendorong utama ialah individu sendiri kerana setiap orang mempunyai potensi yang besar menuju ke arah kejayaan dan kesempurnaan hidup (Robiah Kulop Hamzah, 2006). Ramai individu yang tidak menyerlah dalam bidang akademik tetapi mempunyai keistimewaan lain. Sikap melabelkan murid rendah pencapaian seolah-olah akan gagal dalam semua bidang seumur hidup mereka adalah tidak adil (Hamidah Sulaiman, Siti Salinan Abdullah & Farrah Dina Yusop, 2004). Oleh itu, pendekatan naratif yang digerakkan melalui proses interaksi diharap dapat mengubah persepsi murid terhadap dirinya lalu percaya bahawa mereka juga boleh mencapai kejayaan sekiranya berusaha.

Pentingnya pendekatan pengajaran yang sesuai diharapkan dapat meningkatkan motivasi belajar, keterlibatan dalam pembelajaran dan pencapaian kemahiran mengarang dalam kalangan murid rendah pencapaian ini. Untuk itu, pengkaji mencadangkan pendekatan naratif sebagai alternatif kepada pendekatan sedia ada. Naratif merupakan salah satu elemen yang terkandung dalam pedagogi produktif yang diperkenalkan pada tahun 2001 dan telah diadaptasi ke dalam sistem pendidikan di Queensland, Australia. Namun, masih kurang mendapat perhatian dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kurangnya isu ini diperkatakan dan kajian dijalankan membuktikan pendekatan naratif masih baru di negara ini. Minat untuk menjalankan kajian ini terdorong daripada sikap ingin tahu pengkaji sama ada pendekatan naratif ini berkesan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu murid-murid rendah pencapaian sekolah menengah di kawasan kajian serta dalam persekitaran masyarakat Malaysia.

### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kesan pendekatan naratif dan komunikatif dalam kemahiran mengarang murid-murid rendah pencapaian tingkatan dua di sebuah sekolah menengah kebangsaan. Manakala, objektif khusus yang ingin dicapai seperti berikut:

1. Meneliti kesan penggunaan pendekatan naratif dan komunikatif terhadap motivasi belajar kemahiran mengarang murid rendah pencapaian tingkatan dua.
2. Meneliti kesan penggunaan pendekatan naratif dan komunikatif terhadap keterlibatan dalam pembelajaran kemahiran mengarang murid rendah pencapaian tingkatan dua.
3. Meneliti kesan penggunaan pendekatan naratif dan komunikatif terhadap pencapaian kemahiran mengarang murid rendah pencapaian tingkatan dua.

Berdasarkan objektif kajian beberapa hipotesis nol telah dibentuk bagi menguji dapatan kajian. Berikut merupakan hipotesis kajian:

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian motivasi belajar kumpulan eksperimen dan kawalan dalam kemahiran mengarang.
2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian pertama motivasi belajar kumpulan eksperimen dan kawalan dalam kemahiran mengarang.
3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian kedua motivasi belajar kumpulan eksperimen dan kawalan dalam kemahiran mengarang.
4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian keterlibatan emosi dalam pembelajaran kumpulan eksperimen dan kawalan dalam kemahiran mengarang.
5. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian pertama keterlibatan emosi kumpulan eksperimen dan kawalan dalam kemahiran mengarang.
6. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian kedua keterlibatan emosi kumpulan eksperimen dan kawalan dalam kemahiran mengarang.
7. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian keterlibatan kognitif dalam pembelajaran kumpulan eksperimen dan kawalan dalam kemahiran mengarang.



8. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian pertama keterlibatan kognitif kumpulan eksperimen dan kawalan dalam kemahiran mengarang.
9. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian kedua keterlibatan kognitif kumpulan eksperimen dan kawalan dalam kemahiran mengarang.
10. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian keterlibatan tingkah laku dalam pembelajaran kumpulan eksperimen dan kawalan dalam kemahiran mengarang.
11. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian pertama keterlibatan tingkah laku kumpulan eksperimen dan kawalan dalam kemahiran mengarang.
12. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian kedua keterlibatan tingkah laku kumpulan eksperimen dan kawalan dalam kemahiran mengarang.
13. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian pencapaian kemahiran mengarang murid kumpulan eksperimen dan kawalan dalam kemahiran mengarang.
14. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian pertama pencapaian kemahiran mengarang murid kumpulan eksperimen dan kawalan dalam kemahiran mengarang.
15. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian kedua pencapaian kemahiran mengarang murid kumpulan eksperimen dan kawalan dalam kemahiran mengarang.

Untuk mencapai objektif kajian ini, kaedah pengumpulan data secara kuantitatif telah digunakan. Data secara kuantitatif dikumpul melalui kuasi eksperimen yang dijalankan untuk menguji kedua-dua pendekatan pengajaran kemahiran mengarang. Manakala, pemerhatian dan temu bual dijalankan untuk menyokong dapatan kuantitatif.

#### **1.4 Signifikan Kajian**

Kajian ini dijalankan pada dasarnya berlandaskan kepentingan pendekatan pengajaran kemahiran mengarang yang sesuai dalam usaha meningkatkan motivasi belajar, keterlibatan dalam pembelajaran dan pencapaian murid-murid rendah pencapaian. Berdasarkan kajian lepas, pencapaian keseluruhan murid sekolah menengah yang dikaji meningkat apabila kemahiran literasi, iaitu membaca dan mengarang diberi keutamaan dalam kurikulum sekolah (Bottoms, 2002). Lemahnya kemampuan mengarang murid-murid dalam bahasa Melayu pastinya memberi kesan kepada mata-mata pelajaran yang lain. Malah, apa yang

diperhatikan, kelemahan dalam kemahiran mengarang masih berterusan hingga peringkat pengajian tinggi. Oleh itu, pendekatan pengajaran yang sesuai diperlukan untuk meningkatkan kemahiran mengarang dalam kalangan murid sekolah menengah yang dikaji dan membantu mengatasi masalah penguasaan kemahiran ini.

Di samping itu, kajian ini juga dapat membantu menambahkan ilmu pedagogi dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Pendekatan pengajaran sedia ada mungkin berkesan untuk murid cemerlang, namun lain halnya dengan murid rendah pencapaian. Oleh itu, guru perlulah peka dan sentiasa menambahkan ilmu pedagogi mereka agar peluang pendidikan yang sama rata dapat dinikmati oleh murid rendah pencapaian ini.

Kepentingan kajian ini dapat dilihat dari segi sumbangannya mencari secara berterusan pendekatan pengajaran penulisan karangan yang sesuai. Dari semasa ke semasa, kajian berkaitan pendekatan pengajaran perlu dijalankan dalam usaha memartabatkan bidang pendidikan di negara ini terutamanya bahasa Melayu. Kecemerlangan dalam bahasa Melayu bukan sahaja penting untuk menunjukkan jati diri, malah melahirkan modal insan yang diperlukan untuk pembangunan negara.

Akhir sekali, kajian ini juga dapat menambahkan jumlah kajian dalam bidang pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang dan murid rendah pencapaian secara tidak langsung. Diharapkan dengan adanya kajian ini, ilmu pedagogi pendidikan bahasa semakin berkembang dan memberi manfaat kepada pembaca. Selain itu, membuka ruang kepada kajian-kajian lanjutan pada masa hadapan.

### **1.5 Batasan Kajian**

Kajian berbentuk kuasi eksperimen ini telah dijalankan di sebuah sekolah menengah harian biasa. Empat buah kelas tingkatan dua terlibat dalam kajian ini, iaitu masing-masing dengan dua buah kelas diajar menggunakan pendekatan naratif dan komunikatif. Murid-murid ini telah dikenal pasti rendah pencapaian dan ditempatkan di dalam kelas-kelas akhir berdasarkan prestasi akademik mereka. Oleh yang demikian, perbincangan dan implikasi berdasarkan dapatan kajian hanya terbatas kepada perbandingan dua jenis pendekatan pengajaran dan pembelajaran sahaja. Generalisasi juga tertumpu kepada skop yang dikaji semata-mata.

Kajian ini juga terbatas kepada tiga pemboleh ubah utama, iaitu motivasi belajar, keterlibatan murid dalam pembelajaran dan pencapaian kemahiran mengarang respons terbuka tidak berformat. Perubahan skor min bagi ketiga-tiga pemboleh ubah ini menjadi pengukur kepada kesan pendekatan pengajaran yang diuji. Untuk itu, kajian ini menguji sama ada pendekatan alternatif yang cuba diketengahkan lebih berkesan berbanding pendekatan komunikatif yang sering

digunakan oleh guru Bahasa Melayu semasa mengajarkan kemahiran mengarang kepada murid rendah pencapaian di sekolah yang dikaji.

Selain itu, kajian ini juga hanya tertumpu pada Bahagian C, Kertas 2 Bahasa Melayu PMR. Bahagian C atau karangan respons terbuka menawarkan markah tertinggi dalam Kertas 2, iaitu sebanyak 40 Markah berbanding Bahagian A, B, dan C yang menawarkan antara 10 markah hingga 20 markah. Bahagian ini dipilih bukan sahaja disebabkan penawaran markahnya tetapi memerlukan murid menghasilkan sebuah karangan lengkap berbanding Bahagian A (i), meringkas karangan, Bahagian A (ii), pemahaman, Bahagian B, menghasilkan karangan berpandukan gambar dan Bahagian D, iaitu menjawab soalan berdasarkan novel. Untuk tujuan kajian ini, hanya karangan respons terbuka tidak berformat diuji.

Kajian yang dijalankan ini juga tidak mengambil kira faktor guru terutamanya aspek perwatakan guru. Guru dalam kajian ini bertindak sebagai pengajar yang telah dibekalkan dengan modul pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang. Guru seboleh mungkin diminta agar menggunakan modul yang dibekalkan sepenuhnya. Untuk itu, perbincangan dari semasa ke semasa dibuat dengan guru yang terlibat. Oleh itu, analisis dapatan kajian ini dibuat atas dasar kesan pendekatan yang diuji bukan disebabkan oleh faktor guru.

## **1.6 Definisi Operasional**

Definisi operasional merupakan definisi yang diberikan untuk menghuraikan pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian. Antara pemboleh ubah tersebut ialah pendekatan naratif, pendekatan komunikatif, motivasi belajar, keterlibatan dalam pembelajaran dan murid rendah pencapaian kemahiran mengarang.

### **1.6.1 Pendekatan Naratif**

Perkataan naratif merupakan kata sifat daripada perkataan narasi yang bererti cerita (Floribertus Supriya, 2010). Konsep naratif yang terkandung dalam pedagogi produktif meliputi cerita-cerita peribadi, biografi atau kisah-kisah hidup seseorang individu, catatan sejarah, teks sastera dan budaya yang menggalakkan penglibatan murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (*New Basics Branch*, 2001; Machinley, 2000/2001). Pendekatan naratif dalam kajian ini merupakan perkongsian maklumat, menjawab setiap pertanyaan dan menyelesaikan masalah di dalam bilik darjah secara bernaratif. Naratif lebih kepada satu proses interaksi yang cuba diwujudkan oleh guru semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang dijalankan.

### **1.6.2 Pendekatan Komunikatif**

Pendekatan komunikatif memberi penekanan kepada tujuan penghasilan sesebuah hasil karangan dan khalayak pembacanya (Raimes, 1983). Namun, strategi pendekatan ini tidak disusun berasaskan item-item bahasa yang terdapat dalam sistem sesuatu bahasa tetapi berasaskan keperluan seseorang individu menguasai bahasa tersebut (Nik Hassan Basri, 2005). Dalam konteks kajian ini, pendekatan komunikatif merupakan pendekatan pengajaran yang sering

digunakan oleh guru Bahasa Melayu ketika mengajarkan kemahiran mengarang kepada murid-murid rendah pencapaian.

### **1.6.3 Motivasi Belajar**

Motivasi bermakna mendorong, mengarah dan mengekalkan tingkah laku (Mok, 2008; Abdullah Hassan & Ainon Mohd, 2004; Shahabuddin Hashim, Mahani Razali & Ramlah Jantan, 2004). Motivasi juga merupakan dorongan dalam diri seseorang untuk melakukan sesuatu dengan semangat, ketekunan dan kesabaran yang tinggi demi mencapai matlamat pada tahap yang cemerlang (Sulaiman Masri, 2006). Dalam konteks kajian ini, motivasi belajar merujuk kepada sebarang tindakan yang menjadi penggerak atau pendorong minat murid untuk mempelajari kemahiran mengarang.

### **1.6.4 Keterlibatan dalam Pembelajaran**

Keterlibatan dalam pembelajaran merupakan paradigma yang tertumpu pada andaian bahawa manusia harus belajar untuk dirinya sendiri (Djoko Saryono, 2011). Murid-murid yang mempunyai semangat keterlibatan untuk belajar mempunyai ciri-ciri bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri (Fatimah Hashim, 2005). Dalam konteks kajian ini, keterlibatan dalam pembelajaran membawa maksud murid berminat, bersedia dan seronok belajar yang tergambar melalui perubahan tingkah laku sepanjang proses pembelajaran.

### **1.6.5 Murid Rendah Pencapaian Kemahiran Mengarang**


Murid rendah pencapaian mempunyai tahap kepintaran (IQ) yang setara dengan murid yang berprestasi cemerlang (Poonam R. Malik & Shanti Balda, 2006) tetapi mereka seringkali gagal menghantar kerja rumah dan mempunyai sikap tidak peduli untuk belajar bagi menghadapi peperiksaan (Dunnewind, 2002). Murid rendah pencapaian dalam kajian ini merupakan murid tingkatan dua yang ditempatkan dalam kelas akhir berdasarkan pencapaian akademik mereka.

## **1.7 Kerangka Konseptual Kajian**

Kerangka konseptual yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2 menerangkan konsep keseluruhan kajian ini. Berdasarkan kerangka konseptual ini, terdapat dua pemboleh ubah utama, iaitu pemboleh ubah bebas dan bersandar. Pemboleh ubah bebas ialah pemboleh ubah yang dimodifikasi. Pemboleh ubah bersandar pula ialah pemboleh ubah yang menerima kesan hasil pendekatan yang digunakan, iaitu motivasi belajar, keterlibatan dalam pembelajaran dan pencapaian penulisan karangan respons terbuka tidak berformat.

Pendekatan naratif dalam kajian ini lebih kepada perkongsian maklumat, menjawab pertanyaan atau sebarang persoalan murid serta menyelesaikan sebarang permasalahan kemahiran mengarang secara naratif, cerita atau pengkisahan. Pendekatan ini tidak berdiri dengan sendiri. Dalamnya terkandung strategi, kaedah dan teknik yang boleh disesuaikan secara optimum untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang berkesan.

Oleh itu, guru bertindak sebagai fasilitator yang mendorong dan mewujudkan interaksi di dalam bilik darjah. Interaksi ini diwujudkan melalui perkongsian maklumat dengan andaian setiap individu mempunyai pengetahuan yang tersendiri. Manakala, nasihat dan perbincangan dibuat melalui pujukan lisan. Matlamat utamanya supaya murid dapat berinteraksi secara aktif untuk mendapatkan maklumat dan memahami maklumat tersebut.



**Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian**

Pendekatan naratif dijangka dapat meningkatkan motivasi murid-murid untuk belajar kemahiran mengarang apabila mereka dapat memahami keperluan menghasilkan sesebuah karangan, iaitu untuk tujuan pembelajaran dan kehidupan seharian (Tennant, 2012). Pemahaman terhadap kepentingan menguasai kemahiran ini dapat diselitkan sama ada melalui pujukan lisan mahupun pemodelan melalui watak-watak dalam cerita.

Pujukan lisan juga dapat dilaksanakan melalui interaksi lisan. Pujukan lisan bermaksud nasihat-nasihat yang diselitkan melalui perbincangan yang dilakukan selepas perkongsian cerita. Nasihat ini diselitkan secara halus supaya murid-murid tidak terasa dileteri dan berpeluang untuk memilih nasihat yang diperlukan.

Gambaran dan kebolehan murid-murid berimajinasi berdasarkan cerita yang dikongsikan juga dapat membuatkan murid merasai latar tempat, budaya, masyarakat serta masa yang digambarkan guru dan rakan-rakan. Malah, tingkah laku atau akibat sesuatu tindakan yang diambil oleh tokoh juga dapat difahami murid melalui deria menggambarkan ini. Oleh itu, murid-murid dapat meniru tingkah laku tersebut tanpa perlu mengalami sendiri kesan tindakan yang diambil watak atau tokoh cerita.

Tumpuan diberikan kepada karangan tidak berformat kerana merupakan tajuk yang biasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu; mempunyai ciri yang dapat



mengembangkan imaginasi dan mendorong kepada kemahiran berfikir secara kritis; melatih keterampilan serta dapat memantapkan penggunaan bahasa kerana adanya latar masyarakat, budaya dan masa (Othman Puteh, 2002). Sifat karangan ini yang memerlukan murid menceritakan dan menggambarkan suasana sehingga pembaca dapat merasainya, memerlukan daya imaginasi yang kuat. Berimaginasi memerlukan daya kreativiti murid untuk merangka jalan cerita agar mengandungi elemen permulaan, pengembangan, konflik dan peleraian yang menarik perhatian pembaca. Penggunaan istilah yang berlainan dan sesuai juga diperlukan mengikut latar cerita.

Kajian ini juga tertumpu kepada murid rendah pencapaian dalam penulisan karangan yang biasanya lemah dalam mata pelajaran lain dan ditempatkan dalam kelas-kelas akhir di sesebuah sekolah. Bukan itu sahaja, mereka juga kurang bermotivasi belajar dan kurang keterlibatan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ini bersesuaian dengan pendapat Mackenzie (2012) yang menyatakan bahawa apabila murid-murid terlibat dan bermotivasi dengan topik tertentu, mereka akan lebih berminat untuk menggunakan serta mempelajarinya.

Motivasi belajar, keterlibatan dalam pembelajaran dan memperoleh pencapaian yang baik dalam kemahiran mengarang penting untuk berjaya dalam akademik. Malah, memastikan murid-murid memahami keperluan mereka belajar dan mendapat maklumat yang sepatutnya. Hal ini kerana kepentingan kemahiran mengarang tidak terhenti seiring dengan tamatnya persekolahan sebaliknya, berterusan untuk kehidupan seharian.

### **1.8 Rumusan**

Bab ini menjelaskan konsep kemahiran mengarang dan isu pendekatan pengajaran kemahiran ini. Penetapan objektif kajian dan hipotesis nol yang diuji juga dinyatakan dalam bahagian ini. Malah, perbincangan kepentingan kajian dijalankan, batasan serta definisi operasional setiap pemboleh ubah yang dikaji turut diterangkan.

Bab kedua pula menjelaskan pemboleh ubah yang dikaji secara lebih lanjut. Kajian dalam mahupun luar negara diulas bersesuaian dengan keperluan kajian ini. Perbincangan tentang pemboleh ubah kajian bukan sahaja penting untuk memberi kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca, yang lebih utama bahagian ini menjadi pendokong kepada keperluan keseluruhan kajian.



## BIBLIOGRAFI

- Abd. Aziz Abd. Talib (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu, Prinsip, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abd. Rahim Md Nor (2009). *Statistical Methods in Research*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2004). *Guru sebagai Pendorong Dalam Bilik Darjah*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Aroff & Zakaria Kasa (1994). *Falsafah dan Konsep Pendidikan edisi kedua*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Abdul Samat Banin (2001). Teknik Bercerita Dalam Pengajaran Bahasa. Diperoleh daripada <http://www.brunet.bn/news/pelita/06Julai/didik.htm>
- Abdullah Sani Yahaya (2006). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Shukor Shaari (2001). Penulisan Karangan: Beberapa Proses yang Harus. *Dewan Bahasa*,1(2):24-27.
- Abdul Shukor Shaari, Nuraini Yusoff & Mohd Isha Awang (2003). *Bahasa Melayu Komunikasi*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Sukor Shaari, Yahya Don & Yaakob Daud (2005). Motivasi Belajar dan Harga Diri: Hubungan dengan Pencapaian Akademik dan Kegiatan Kokurikulum Pelajar Sekolah Menengah. Diperoleh daripada <http://www.psb1.uum.edu.my/TESIS/Penyelidikan%20Print/2005/DR.%20ABD.%20SUKOR%20SHAARI,%20YAHYA%20DON%20DAN%20YAAKOB%20DAUD.pdf>
- Ab. Rahim Bakar (2008). Peranan Sekolah Dalam Membantu Pelajar Berisiko. Dalam Zaidatol Akmaliah Lope Pihie (2008). *Memahami Pelajar Berisiko: Ke Arah Pembangunan Kerjaya Keusahawanan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Adenan Ayob (2008). *Kesan Penggunaan Perisian Pemprosesan Kata dan Bahan Bercetak Terhadap Penulisan Karangan oleh Murid Tingkatan Empat dari Aspek Pencapaian, Sikap dan Kualiti Penulisan*. Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Ahmad Khair Mohd. Nor (2005). Menulis Membina Ketrampilan Berfikir. *Pelita Bahasa*,18(7):12-14.
- Ainley, M. (2004). What Do We Know About Student Motivation and Engagement? Paper Presented at the Anual Meeting of the Australian Association for Research in Education, Melbourne 29 November - 2 December. Diperoleh daripada <http://www.aare.edu.au/04pap/ain04760.pdf>
- Akhmad Sudrajat (2008). Teori-teori Belajar. Diperoleh daripada [http://muhammadsalahuddin.student.um.ac.id/download-as-pdf/umm\\_blog\\_article\\_33.pdf](http://muhammadsalahuddin.student.um.ac.id/download-as-pdf/umm_blog_article_33.pdf)
- Alderman, M.K. (2008). *Motivation for Achievement: Possibilities for Teaching and Learning 3<sup>rd</sup> edition*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Aleimmah Ali (2009). Meningkatkan Penguasaan Tatabahasa Murid Tingkatan 3A Dalam kemahiran Menulis dengan Menggunakan Kaedah Majalah Dalam Kelas. Diperoleh daripada

<http://www.aliemmah.files.wordpress.com/2010/03/penguasaan-tatabahasa.pp>

- Ali Ab. Ghani (2008). Pengaruh Bahagian Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia. Membangunan Modal Insan. Diperoleh daripada <http://sppkkedah.blogspot.com/2009/10/membangun-modal-insan.html>
- Alias Ismail (2006). Soalan Bantu Lulus Bahasa Melayu PMR. *Pelita Bahasa*, 18 (6):11-13.
- Aminuddin Hehsan & Siti Noor Muhamad (2010). Tahap Disiplin Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini: Satu Kajian di Maahad Ahmadi Tanah Merah Diperoleh daripada [http://eprints.utm.my/10490/1/TAHAP DISIPLIN PELAJAR SEKOLAH MASA KINI.pdf](http://eprints.utm.my/10490/1/TAHAP_DISIPLIN_PELAJAR_SEKOLAH_MASA_KINI.pdf)
- Amir Awang (1986). *Teori-teori Pembelajaran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Anderman, M.E., & Anderman, H.L., (2010). *Classroom Motivation*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Appleton, J.J., Christerson, S.L., Kim Dongjin, & Reschly. A.L. (2006). Measuring Cognitive and Psychological Engagement: Validation of the Student Engagement Instrument. *Journal of School Psychology*, 44:427-445.
- Arba'ie Sujud, Mohd. Amin Arshad & Che Ibrahim Salleh (2011). Pembudayaan Bahasa Melayu dari perspektif pengajaran dan pembelajaran bahasa. Dalam Arba'ie Sujud, Adi Yasran Abdul Aziz, Ahmad Yusoff Buyong & Zaidatol Azma Zainon Hamzah (penyelenggara). *Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arlindo Francisco Marcal (2006). Pengaruh Motivasi Belajar dan Disiplin Diri terhadap Prestasi Belajar Karyasiswa Timor-Leste di Jakarta. *Jurnal Manajemen Publik dan Bisnis*. Diperoleh daripada <http://www.scribd.com/doc/68617665/Motivasi-Dan-Disiplin-Diri>
- Ary, D., Jacobs, L.C., & Razavieh, A. (2002). *Introduction to Research in Education 6<sup>th</sup> edition*. United State of America: Wadsworth Thomson Learning.
- Awang Sariyan (2004). *Teras Pendidikan Bahasa Melayu Asas Pegangan Guru*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan (2009). Memenuhi Impian Pendidikan Bahasa Melayu yang Berkesan. Diperoleh daripada <http://www.prihatin.net/ole-ole-dari-beijing/268-memenuhi-impian-pendidikan-bahasa-melayu-yang-berkesan-bahagian-pertama.html>
- Azizi Yahaya (2004). Enhancing Intrinsic Motivation and Parenting to Help Underachieving Students to Perform Well in School. Unpublished. Universiti Teknologi Malaysia. Diperoleh daripada <http://eprints.utm.my/5937/>
- Azizi Yahaya, Abdul Razak Zaiden, Sharifuddin Ismail & Zanariah Abdul Rahman (2003). Hubungan Antara Lokus Kawalan dengan Pencapaian Akademik di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik. *National Seminar Memperkasa Sistem Pendidikan*, Puteri Pan-Pacific, Johor, 19 - 21 Oktober.
- Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif (2006). *Membentuk Identiti Remaja*. Pahang: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim & Yusof Boon (2006). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Pahang: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya, Mohamad Hasan Omar & Raja Roslan Raja Abd Rhman (2008). Permasalahan yang Mempengaruhi Pembelajaran dan Pencapaian Akademik Pelajar Bumiputera (Tingkatan 4) di Sekolah Menengah Teknik di Johor Baharu. Diperoleh daripada [http://eprints.utm.my/5889/1/aziziyah\\_masalah.pdf](http://eprints.utm.my/5889/1/aziziyah_masalah.pdf)
- Azizi Yahaya & Mohd Sofie Bahari (2010). Teori-teori Tingkah Laku Berisiko. Unpublished. Universiti Teknologi Malaysia. Diperoleh daripada [http://eprints.utm.my/10403/1/30.9\\_Teori-Teori\\_Tingkah\\_Laku\\_Berisiko.pdf](http://eprints.utm.my/10403/1/30.9_Teori-Teori_Tingkah_Laku_Berisiko.pdf)
- Azizi Yahaya & Muhamad Jumat Aliju (2010). Teori-teori Tingkah Laku Negatif. Unpublished. Universiti Teknologi Malaysia. Diperoleh daripada [http://eprints.utm.my/10389/1/29.9\\_Teori-Teori\\_Tingkah\\_Laku\\_Negatif.pdf](http://eprints.utm.my/10389/1/29.9_Teori-Teori_Tingkah_Laku_Negatif.pdf)
- Azizul Rahman Abdul Rahman (2010). *Didik Hibur dan Apresiasi Sastera Melalui Program Majalah Dalam Kelas*. Kuala Lumpur: DTP Enterprise Sdn. Bhd.
- Azhad (2008). Masalah Disiplin Pelajar Sekolah. Diperoleh daripada <http://www.blog.azhad.com/2008/01/masalah-disiplin-pelajar-sekolah.html>
- Azman Ismail (2010). Guru Bahasa Melayu, Cabaran dan Penyelesaian. *Dewan Bahasa*. 10(5):1-14.
- Ballantye, R. & Packer, J. (2008). *Learning for Sustainability: The Role and Impact of Outdoor and Environmental Education Centers*. Australia: University of Queensland, School of Tourism.
- Bandura, A. (2006). Analysis of Modeling Processes. In Bandura, A. (edited). *Psychological Modeling: Conflicting Theories* (pp.1-62). New Brunswick, New Jersey: Transaction Publisher.
- Bandura, A. (2006). Guide for Constructing Self-efficacy Scales. *Self-efficacy Beliefs of Adolescents*. 307-337.
- Bandura, A. (1993). Perceived Self-efficacy in Cognitive Development and Functioning. *Educational Psychologist*, 28(2):117-148.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioral Change. *Psychological Review*, 84(2):191-215.
- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Eaglewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bandura, A. (1994). Self-efficacy. In Ramachaudran, V.S (edited). *Encyclopedia of Human Behavior* (pp.71-81). New York: Academic Press.
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. Eaglewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bandura, A., Barbaranelli, C., Caprara, G.V. & Pastorelli, C. (1996). Multifaceted Impact of Self-efficacy Beliefs on Academic Functioning. *Child Development*, 67(3):1206-1222.
- Bandura, A., Caprara, G.V., Barbaranelli, C., Gerbino, M. & Pastorelli, C. (2003). Role of Affective Self-regulatory Efficacy in Diverse Spheres of Psychological Functioning. *Child Development*, 74(3):769-782.
- Bandura, A., Ross, D. & Ross Sheila, A. (2006). A Comparative Test of the Status Envy, Social Power and Secondary Reinforcement Theories of Identificatory Learning. In Bandura, A. (edited). *Psychological Modeling: Conflicting Theories* (pp.70-88). New Brunswick, New Jersey: Transaction Publisher.

- Banning, M. (2005). Approaches to Teaching: Current Opinions and Related Research. *Nurse Educational Today*, 25(7):502-508.
- Barker, B. (2011). Toxic Schooling: How Schools Became Worse. *Educational Review*, 63(1): 121-123.
- Bimo (2009). Teknik Bercecerita Untuk Anak Usia Dini. Diperoleh dari <http://kakbimo.wordpress.com/2009/07/21/teknik-bercerita-untuk-anak-usia-dini/>
- Boeree, G. (2006). Personality Theory. Albert Bandura 1925-Present. Diperoleh dari <http://webpace.ship.edu/cgboer/bandura.html>
- Bond, L., Butler, H., Thomas, L., Carlin, J., Glover, S., Bowes, G. & Patton, G. (2007). Social and School Connectedness in Early Secondary School as Predictors of Late Teenage Substance Use, Mental Health and Academic Outcomes. *Journal of Adolescent Health*, 40:357.e9-357.e18.
- Bond Trevor. G., & Fox Christine M. (2007). *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences* 2<sup>nd</sup> edition. London: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
